


# FESTKUM 2010

## MEDAN PERTARUHAN BAKAT PELAJAR

*Indah sungguh seni budaya, Menjadi tradisi zaman berzaman, Satu Malaysia Satu Budaya, FESTKUM 2010 memartabatkan warisan.*



Gelanggang FESTKUM 2010 dibuka secara rasminya pada 15 Disember 2010 membabitkan empat lokasi penganjuran iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Hampir 2,000 mahasiswa dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Negara berhimpun untuk mempertaruhkan bakat dan kreativiti masing-masing dalam memartabatkan seni dan budaya. Sebanyak lapan acara dipertandingkan iaitu Pertandingan Tarian Tradisional Cina, Tarian Klasik India dan Rampai Tari Melayu yang berlangsung penuh warna warni di UUM manakala USM bergema dengan rentak alunan Dikir Barat warisan tradisi negeri Cik Siti Wan Kembang.

Sementara di UiTM Arau pula, nyanyian Irama Tradisional dan Nyanyian Antarabangsa merdu mengusik halwa telinga pengunjung sementelah di UniMAP pula gah berlangsungnya Pertandingan Boria dan Band Akustik.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato. Prof Dr. Kamarudin Hussin berkata, festival ini merupakan satu festival yang menggabungkan pelbagai bidang kesenian dari pelbagai kaum dalam satu penganjuran berkonsepkan pertandingan seni dan lebih tersusun.

"Jika sebelum ini, penganjuran setiap acara dijalankan berasingan di mana-mana IPTA, tetapi bermula tahun 2009 yang lalu, kita menghimpunkan seberapa banyak acara untuk dianjurkan secara gala agar pelajar-pelajar dapat merasai suasana temasya kesenian dan kebudayaan yang meriah," katanya.

Dalam pada itu, Tuanku Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dalam titah perasmian penutup pula menyambut baik penganjuran FESTKUM kerana menurut baginda, kebudayaan mencerminkan jati diri sesuatu bangsa dan penganjuran Festival seumpama ini merupakan wahana terbaik untuk membentuk generasi muda kita agar lebih menghargai dan memahami konsep budaya itu sendiri.

### PAMERAN/GERAI JUALAN DAN SENAM SENI

Penganjuran FESTKUM 2010 pada tahun ini juga sememangnya boleh diibaratkan sebagai satu pesta apabila gerai-gerai jualan dan pameran memenuhi ruang lapang di Dataran Datuk Sheikh Ahmad yang merupakan lokasi pertandingan Band Akustik. Ternyata FESTKUM 2010 bukan sahaja untuk mahasiswa/mahasiswi IPTA tetapi seluruh masyarakat di negeri Perlis turut sama memeriahkan aktiviti jualan dan pertandingan. Sesungguhnya, UniMAP amat berterima kasih kepada rakan media RTM yang memeriahkan penganjuran festival dengan pelbagai aktiviti dan program di gerai-gerai agensi yang bernaung di bawah RTM. Antaranya gerai Klasik Nasional, Gerai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang turut menawarkan pertandingan permainan tradisional untuk pengunjung yang hadir. Tidak ketinggalan, RTM turut mengadakan ujibakat penyampai berita dan pengacara rancangan di gerai mereka yang merupakan antara tarikan utama pengunjung ke FESTKUM 2010.

Turut memeriahkan lokasi pameran ialah gerai Harian Metro yang menganjurkan pertandingan Karaoke untuk pengunjung serta gerai-gerai jualan cenderamata FESTKUM yang diselaraskan oleh urusetia dari Universiti Malaysia Kelantan.

FESTKUM 2010 juga mencipta sejarah tersendiri apabila lebih 1,200 mahasiswa berhimpun seawal jam 6.45 pagi bagi memeriahkan Senam Seni Sempena FESTKUM 2010 yang disiarkan secara langsung dalam slot Hujung Minggu Malaysia di TV1. Menggabungkan dua instruktur iaitu Encik Mohd. Muzry Mohd. Yusof dan Encik Abdul Rasid Mahamoud, pentas senamrobik digegarkan dengan pelbagai aksi senamrobik yang diiringi lagu-lagu pelbagai irama dan rentak.

## MAJLIS PENUTUP

Kemeriahan FESTKUM 2010 diteruskan lagi pada malam penutup dengan gegaran 20 IPTA yang bertanding berarak masuk ke Dewan 2020 dengan penuh bergaya. Persis perarakan kontinen di kejohanan sukan, maka begitu jualah suasana yang dirasai di Dewan 2020 apabila bendera IPTA berkibar megah sewaktu perarakan.



Pentas majlis penutup digegarkan lagi dengan persembahan-persembahan pilihan juri membabitkan semua acara yang dipertandingkan disulami dengan penyampaian hadiah dan pingat kepada pemenang.

Adat pertandingan, ada yang pulang sebagai pemenang dan ada pula yang terpaksa menerima kekalahan. Namun ini semua bukanlah penamat kepada perjuangan seni mahasiswa-mahasiswa memandangkan aspek seni budaya bukanlah sekadar untuk pertandingan sebaliknya untuk dipelajari dan diamalkan.

Selaku tuan rumah Majlis Penutup, UniMAP tidak pulang dengan tangan kosong apabila berjaya membolot Juara bagi pertandingan boria serta tempat kedua bagi pertandingan Irama Malaysia bagi kategori wanita. Tidak ketinggalan, UniMAP turut memungut masing-masing dua pingat emas dan perak kategori hadiah iringen.

Dengan kejayaan tersebut, UniMAP berjaya memperbaiki kedudukan keseluruhan daripada tangga kelapan pada FESTKUM 2009 kepada kedudukan kelima tahun ini.

Bil	IPTA	HADIAH UTAMA			HADIAH IRINGAN			JUMLAH PINGAT	JUMLAH MATA
		EMAS (20)	PERAK (15)	GANGSA (10)	EMAS (10)	PERAK (7)	GANGSA (5)		
1	UiTM	1	2		7	1	3	14	142
2	USIM	1	2	2	2	3	2	12	121
3	UKM	3		1	2	1	3	10	112
4	UM	2	1	1		3	1	8	91
5	UniMAP	1	1		2	2		6	69
6	UUM		2			2	2	6	54
7	UPM			1	2	1	1	5	42
8	UTM	1			2			3	40
9	UPSI			1		1	1	3	27
10	UMS			1	1	1		3	27